



PELAN STRATEGIK 2021 - 2025

MODEL CENTRE FOR COMMUNITY
ADVANCEMENT



Disediakan oleh :
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Edisi 2.0, 2019
2021, Majlis Daerah Dalat dan Mukah Hak Cipta Terpelihara
Sebarang pertanyaan mengenai dokumen ini hendaklan dialamatkan kepada:-

SETIAUSAHA
MAJLIS DAERAH DALAT DAN MUKAH
ARAS 1,PUSAT PENTADBIRAN BARU,
JALAN WAWASAN, PETI SURAT 68,
96400 MUKAH

<http://mukah-dalatdc.sarawak.gov.my/>

JADUAL PINDAAN

Sebarang pindaan kepada dokumen hasil daripada semakan atau kajian semula perlu dicatat dalam jadual di bawah :-

BIL	TARIKH	PERKARA
1	02-03 November 2020	Kajian Semula Pelan Strategik 2016-2020
2	10 – 11 Januari 2023	Kajian Semula Pelan Strategik 2021 - 2025

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

PERUTUSAN WALIKOTA	5
KATA-KATA ALUAN SETIAUSAHA	6
RINGKASAN EKSEKUTIF.....	7
BAB 1 : MAJLIS DAERAH DALAT DAN MUKAJH	8
SEJARAH	9
PUNCA KUASA	11
FUNGSI MAJLIS DAERAH DALAT DAN MUKAH	12
FUNGSI TERAS.....	12
FUNGSI AM	13
STRUKTUR ORGANISASI	16
CARTA FUNGSI	17
CARTA ORGANISASI	18
BAB 2 : ANALISIS PERSEKITARAN	19
PERSEKITARAN ORGANISASI.....	20
PERSEKITARAN DALAMAN	20
ANALISIS SWOT	20
PERSEKITARAN LUARAN	21
ANALISIS P.E.S.T	21
BAB 3 : ANALISIS PELANGGAN DAN STAKEHOLDER	22
STAKEHOLDER	23
PELANGGAN.....	24
CADANGAN NILAI PELANGGAN - STAKEHOLDER	25
BAB 4 : HALATUJU STRATEGIK	26
MISI VISI MOTTO	28
NILAI TERAS BERSAMA	29
TEMA STRATEGIK DAN HASIL STRATEGIK.....	30
OBJEKTIF STRATEGIK	31
STRATEGI UTAMA	31

BAB 5 : PELAN TINDAKAN STRATEGIK DAN	
PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) 2021-2025	35
BAB 6 : PENGURUSAN STRATEGIK.....	46
PENGURUSAN PELAN STRATEGIK	47
PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK	48
MAKANISME PELAKSANAAN	49
SEKRETARIAT PERANCANGAN STRATEGIK	49
BAB 7 : PENILAIAN PRESTASI.....	50
PENILAIAN STRATEGIK	51
BAB 8 : MELANGKAH KE HADAPAN.....	58
MENCAPAI KEJAYAAN.....	59
TRANFORMASI MASA DEPAN.....	59
KESIMPULAN.....	61

PERUTUSAN WALIKOTA



Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Ahli-Ahli Majlis dan Pasukan pengurusan Majlis Daerah Dalat dan Mukah dalam merangka dan membangunkan dokumen Pelan Strategik yang bakal menjadi pedoman kepada organisasi kita. Penjanaan idea dan input melalui penglibatan menyeluruh menjadikan dokumen ini lebih bermakna. Ini merupakan suatu manifestasi dan iltizam kita untuk bersama-sama menjayakan pelaksanaan Pelan Strategik Majlis Daerah Dalat dan Mukah bagi penggal 2021 hingga 2025.

Saya menaruh harapan yang tinggi agar Pelan Strategik ini menjadi pemangkin kepada kesinambungan pelaksanaan Pelan Strategik 2016-2020. Oleh itu ianya sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-12, yang merupakan era dimana pembangunan dan kemajuan luar bandar akan diberi perhatian penting oleh Kerajaan Negeri Sarawak melalui beberapa program dan projek transformasi luar bandar. Input daripada ahli-ahli Majlis berkenaan dengan keadaan sebenar di peringkat akar umbi akan membantu penetapan fokus utama oleh pengurusan Majlis dalam memilih objektif dan strategi yang paling sesuai dan berkesan.

Dengan adanya Pelan Strategik 2021 – 2025, saya percaya Pelan Strategik ini mampu mewujudkan kefahaman dan menjadi rujukan utama mengenai hala tuju dalam perancangan seperti yang diharapkan terutama dalam memberi perkhidmatan, kemudahan dan program yang dikendalikan/disediakan oleh Majlis Daerah Dalat dan Mukah. Kerjasama diantara semua pihak bersama *stakeholders* dan pelanggan serta komuniti amatlah penting selain kerjasama yang tinggi dalam kalangan ahli-ahli majlis dan semua kakitangan Majlis Daerah Dalat dan Mukah.

Asas bagi kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik ini adalah komitmen dan kerjasama seluruh warga yang mempunyai peranan dan tanggungjawab secara bersama untuk merealisasikan segala inisiatif yang digariskan dengan jaya. Semoga usaha murni menyediakan Pelan Strategik ini akan menjadikan Majlis Daerah Dalat dan Mukah sebagai sebuah agensi yang benar-benar dinamik dalam memperkasakan sumber ke arah penyampaian perkhidmatan yang terbaik dan memenuhi ekspektasi semasa.

Sekian, terima kasih.

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
" AN HONOUR TO SERVE"**

**(HAJI KADIR BIN HAJI JAMIL)
PENGURUSI**

MAJLIS DAERAH DALAT DAN MUKAH

KATA-KATA ALUAN SETIAUSAHA



Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh Salam Sejahtera

Majlis Daerah Dalat dan Mukah merupakan salah satu agensi yang mempunyai tugas serta tanggungjawab menyampaikan perkhidmatan dan menyediakan kemudahan infrastruktur amnya. Dengan adanya Pelan Strategik 2021 – 2025, diharap ia dapat menjadi rujukan dalam mencapai hala tuju Majlis Daerah Dalat dan Mukah untuk menyediakan dan mengagihkan sumber yang disalurkan kepada majlis untuk tempoh lima tahun akan datang untuk pembangunan Mukah.

Dengan arus perubahan sosio-ekonomi yang berkembang agak cepat, kita sebagai Pihak Berkuasa Tempatan perlu bergerak seiring kemajuan dan kehendak rakyat pada masa kini. Enam Tema Strategik Utama iaitu ; i) Perkhidmatan Perbandaran yang menekankan imej bersih, indah dan selamat; ii) Pengurusan Projek yang komprehensif, iii) Penguatkuasaan yang berkesan; iv) Komuniti Bestari, selamat dan mesra peniagaan; v) Tadbir Urus Baik dan Pematuhan Peraturan; dan vi) pengurusan hasil majlis menjadi satu garis panduan untuk mencapai matlamat Majlis agar segala yang dirancang dapat direalisasikan dengan jayanya.

Sungguhpun begitu, sokongan serta komitmen semua pihak amat penting agar usaha ini dapat dicapai. Setiap strategi dan aktiviti yang telah dikenalpasti dalam Pelan Strategik ini sememangnya mencabar kebolehan dan kemampuan semua pihak dalam MDDM. Oleh itu, bersama kita realisasikan apa yang telah kita sasarkan dan mencapai tahap KPI yang diimpikan.

Kerjasama dan kesungguhan semua pihak mengubal dan memperhalusi Pelan Strategik ini amatlah saya hargai. Akhir kata, marilah sama-sama kita jayakan perancangan ini dengan penuh keikhlasan, kejujuran, komited dan integriti yang tinggi

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
" AN HONOUR TO SERVE"**

**(ABDUL RAZAK BIN AWANG BINI)
SETIAUSAHA
MAJLIS DAERAH DALAT DAN MUKAH**

RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada Warga Mukah, perancangan strategik yang jitu dan mantap perlu diwujudkan dan strategi-strategi yang telah dirancang perlu dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Dengan adanya Pelan Strategik ini, Majlis Daerah Dalat dan Mukah berusaha untuk mencapai Visi dan Misi yang telah ditetapkan.

Dokumen Pelan Strategik ini dibahagikan kepada beberapa bab iaitu Bab 1 hingga Bab 8. Dalam Bab 1 hingga Bab 3 ianya menjelaskan situasi Majlis Daerah Dalat dan Mukah pada masa kini yang berguna dalam merangka haluan strategik untuk tempoh masa lima tahun akan datang. Penentuan halatuju strategik, Pelan Tindakan Aktiviti dan Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama (KPI) pula akan diuraikan dalam Bab 4 dan Bab 5. Dalam Bab 6, diuraikan berkaitan pengurusan strategi dan mekanisme yang digunapakai bagi memastikan Pelan Strategik ini dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Pencapaian KPI dalam Pelan Strategik diukur dengan menggunakan borang yang akan disediakan dalam Bab 7. Dalam Bab 8 pula merumuskan tindakan yang perlu dilaksanakan untuk menjayakan Pelan Strategik ke arah merealisasikan visi untuk menjadikan Majlis Daerah Dalat dan Mukah sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang memberikan perkhidmatan terbaik kepada komuniti.

Oleh itu, sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan, segala tugas dan tanggungjawab yang diberikan adalah merupakan satu komitmen yang telah diamanahkan kepada kita. Majlis perlu peka terhadap perubahan paradigma pemikiran rakyat masa kini yang mampu menjejaskan imej jabatan. *"Service, service, service"* perlu diambil berat agar perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat adalah yang terbaik. Projek-projek rakyat juga perlulah diutamakan dan disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan untuk mengekalkan kredibiliti rakyat terhadap Majlis. Secara tidak langsung ianya akan menaikkan imej Majlis Daerah Dalat dan Mukah sebagai sebuah PBT yang bertanggungjawab dan komited.

"Berkhidmat Untuk Kemajuan" diharap Majlis Daerah Dalat dan Mukah akan terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan di kawasan yang berada di bawah bidanguasa Majlis.



BAB 1:

**MAJLIS DAERAH
DALAT DAN MUKAH**



SEJARAH

Penubuhan Pihak Berkuasa Tempatan seluruh Sarawak dibuat di bawah Ordinan Kuasa Tempatan 1948 (*Local Authorities Ordinance 1948*) di bawah pemerintahan Kerajaan British. *Local Authority Ordinance 1948* memberi kuasa kepada Gabenor untuk menubuhkan satu badan yang diberi nama Pihak Berkuasa Tempatan (*Local Authority @ Local Council*). Semua pihak Berkuasa Tempatan melaksanakan kuasa masing-masing mengikut peruntukan Ordinan tersebut dan diberi kuasa untuk menggubal Undang-Undang Kecil @ Subsidiari (*Local Council By-Laws*) yang mana harus dipatuhi oleh penduduk di bawah kuasaan Pihak Berkuasa tempatan tertentu.

Majlis Daerah Dalat dan Mukah merupakan salah satu agensi dibawah Pihak Berkuasa Tempatan yang telah diwujudkan melalui *Local Authority Ordinance 1948*. Majlis Daerah Dalat dan Mukah pertama kalinya telah memilih dan melantik Ahli-Ahli Majlis (*Council Councilors*) pada tahun 1956 melalui *Local Government Election Ordinance*. Selepas Enakmen tersebut, para Kaunselor telah dipilih melalui pilihanraya. Pilihanraya pertama untuk para kaunselor telah diadakan dalam tahun 1959. Namun demikian, Ordinan ini terpaksa diberhentikan bagi tujuan kegunaan Kuasa Tempatan pada 1 November 1981. Mulai dari itu, para Kaunselor hanya akan memegang jawatan ini melalui proses perlantikan atas cadangan parti politik yang diwakili oleh mereka. Proses perlantikan ini digunapakai sehingga kini.

Kemajuan dan perubahan ideologi politik semasa telah mempengaruhi perkembangan dan pertambahan Pihak Berkuasa Tempatan. Pada awalnya, Majlis hanya dikenali sebagai *Native Local Authority* (NLA). Melalui proses perkembangan dan arus perubahan politik, *Native Local Authority* telah ditukargantikan kepada *Racially-Mixed Local Authority* (RMLA) yang kekal sehingga penubuhan Malaysia. Selepas penubuhan Malaysia, RMLA telah ditukar kepada *Local Council*. Penubuhan Pihak Berkuasa Tempatan seluruh Sarawak dibuat di bawah Ordinan Kuasa Tempatan 1948 (*Local Authorities Ordinance 1948*) di bawah pemerintahan Kerajaan British. *Local Authority Ordinance 1948* memberi kuasa kepada Gabenor untuk menubuhkan satu badan yang diberi nama Pihak Berkuasa Tempatan (*Local Authority@Local Council*). Semua Pihak Berkuasa Tempatan melaksanakan kuasa mengikut peruntukan Ordinan tersebut dan diberi kuasa untuk menggubal Undang-Undang Kecil @ Subsidiari (*Local Council By-Laws*) yang mana harus dipatuhi oleh penduduk yang berada di bawah kuasaan Pihak Berkuasa Tempatan tertentu.

Pada masa ini Majlis Daerah Dalat dan Mukah merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang diberi kuasa untuk mentadbir kawasan-kawasan yang diperuntukkan dibawahnya oleh *Local Authorities Ordinance 1996*. Mulai 1 Oktober 2011, Majlis Daerah Dalat dan Mukah telah berpindah dan beroperasi di Pusat Pentadbiran Baru Bahagian Mukah dengan dua buah cawangan iaitu di Dalat dan Balingian.

Majlis Daerah Dalat dan Mukah diterajui oleh Walikota yang bertanggungjawab untuk menguruskan pelbagai Jawatankuasa Tetap yang dianggotai oleh Ahli-ahli Majlis sepertimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 12(1) *Local Authorities Ordinance 1996* Sarawak. Pengurusan operasi Majlis Daerah Dalat dan Mukah dipimpin oleh Setiausaha Majlis selaku Ketua Pegawai Operasi. Setiausaha Majlis dilantik oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Komuniti setelah dipersetujui oleh Y.B Setiausaha Kerajaan Sarawak

PUNCA KUASA

Majlis Daerah Dalat dan Mukah melaksanakan kuasa untuk mentadbir kawasan-kawasan di bawah jagaannya menurut kuasa undang-undang yang termaktub di bawah Local Authorities Ordinance dan undang-undang lain berkaitan serta Undang-Undang Kecil Majlis Tempatan (*Council By-Laws*) yang digubal dan termaktub dalam Ordinan yang sama.

Ordinan, Undang-undang Kecil, Akta dan Peraturan:-

1. Building Ordinance, 1994
2. The Building (Exemption) Order, 1996
3. The Local Authorities Ordinance, 1996
4. (Storage of Petroleum) By-laws, 1962
5. (Hawking) (Amendment) By-laws, 1994
6. (Licensing of Miscellaneous Occupations) (Amendment) By-laws, 1994
7. The Protection of Public Health (Barbers' and Hairdressers' Shop) Regulation 2003
8. The Protection of Public Health (Licensing of Hotels and Lodging Houses) Regulations, 2003
9. The Public Health Ordinance (Laundries) By-laws, 1962
10. The Entertainment By-Law, 2001
11. Local Authority Rating Regulation 1997
12. The Entertainment Ordinance, 2000
13. Market By-Law (Amendment) 1993
14. The local Authorities (Reflexology and Health Establishment) By-Laws, 2009
15. The local Authorities (Compounding of Offences) By-laws, 1999
16. Cleanliness By-laws, 1999
17. The Protection of Public Health Ordinance 1999
18. Sarawak Land Code (Cap. 81)
19. Local Authorities Ordinance, 1996 (Cap. 20)
20. The Local Authorities Financial Regulation 1997
21. Treasury Instructions
22. The Protection of Public Health (Licensing of Hotels and Lodging Houses) Regulations, 2003
23. The Public Health Ordinance (Laundries) By-laws, 1962
24. The Entertainment By-Law, 2001
25. The Entertainment Ordinance, 2000
26. Market By-Law (Amendment) 1993
27. The local Authorities (Reflexology and Health Establishment) By-Laws, 2009
28. The local Authorities (Compounding of Offences) By-laws, 1999
29. Peraturan-peraturan Makanan 1985
30. Food (Advertisement) Act, 2001
31. Akta Permushanan Serangga Pembawa Penyakit (Pindaan) 2004
32. The Local Authorities Service Regulation 2000
33. Peraturan-peraturan Perpustakaan, 1999
34. Arahan Keselamatan
35. The Public Service Commission Rules, 1996
36. Akta Pengangkutan Jalan, 1983
37. Akta Pemberi Pinjaman Wang, 1951. (Akta 400)

Garis Panduan Pentadbiran dan Pengurusan

1. Manual Prosedur Kerja
2. MyPortfolio
3. Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015
4. Peruntukan Tahunan
5. Pekeliling daripada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Ketua Menteri, Setiausaha Kewangan Negeri dan agensi Persekutuan yang berkaitan.

FUNGSI MAJLIS DAERAH DALAT DAN MUKAH

Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Daerah Dalat dan Mukah memikul tanggungjawab dalam memastikan kawasan bandar dan pekan-pekan kecil dalam Daerah Mukah serta kawasan liputan cawangan Majlis Daerah Dalat dan Mukah ini seperti Oya/Dalat dan Balingian mendapat pembangunan sejajar dengan agenda pembangunan Negeri Sarawak.

Fungsi Majlis Daerah Dalat dan Mukah dibahagikan kepada dua iaitu :-

1. FUNGSI TERAS

Fungsi teras adalah penyediaan pekhidmatan perbandaran, kutipan cukai taksiran, penguatkuasaan Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996 dan Undang- undang Kecil Majlis, dan Pembangunan Komuniti.

Fungsi teras ini disokong oleh perkhidmatan pentadbiran dan perbendaharaan. Fungsi teras dijalankan melalui beberapa aktiviti strategik dalam Bahagian-bahagian organisasi Majlis seperti berikut :-

BAHAGIAN PENILAIAN DAN PENCUKAIAN

- Menilai semula pegangan berkadar
- Menyediakan bil-bil cukai taksiran
- Menyediakan laporan kutipan cukai bulanan dan tahunan
- Pengurusan tuntutan tunggakan cukai
- Menyediakan anggaran hasil cukai bagi belanjawan tahunan
- Menguruskan bayaran kadar dari agensi-agensi kerajaan
- Memproses permohonan pengecualian dan pengurangan cukai taksiran

BAHAGIAN KEJURUTERAAN

- Pelaksanaan projek pembangunan.
- Penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan seperti jalan raya, parit/ longkang, jambatan, lampu jalan, taman-taman dan bangunan.
- Mengurus dokumen tender dan kontrak.
- Memproses permohonan pelan bangunan dan pengeluaran sijil layak menduduki bangunan.
- Memantau pelaksanaan projek.
- Mengurus kerja-kerja penyelenggaraan.
- Menyediakan laporan prestasi projek-projek pembangunan
- Urusetia Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB)

BAHAGIAN PENGUAT KUASA

- Penguatkuasaan Local Authority Ordinance, Undang-undang kecil, Akta dan Peraturan berkaitan
- Menyediakan laporan penguatkuasaan mingguan
- Mengeluarkan notis dan mengambil tindakan undang-undang terhadap pesalah yang enggan mematuhi peraturan

BAHAGIAN KESIHATAN DAN PERKHIDMATAN BANDAR

- Pengurusan alam sekitar dan kesihatan awam melalui sistem pengumpulan sampah, penyelenggaraan perparitan dan rumput dan pembersihan jalan-jalan yang berkesan.
- Kawala penyakit berjangkit seperti demam denggi dan wabak lain.
- Mengawal kualiti dan keselamatan makanan
- Penyelenggaraan pasar dan tandas awam
- Memproses permohonan pelbagai lesen peniagaan
- Semakan ke atas pelan-pelan bangunan dan pengeluaran sijil layak menduduki bangunan baru
- Penguatkuasaan Akta dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan Kesihatan Awam

2.FUNGSI AM

Fungsi Am merupakan fungsi yang boleh didapati di lain-lain organisasi. Fungsi Am berfungsi untuk menyediakan, membantu dan melicinkan penyampaian perkhidmatan fungsi teras.

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

- **Pentadbiran Am dan Perkhidmatan Korporat**
- **Pengurusan Sumber Manusia**
 - ☒ Penjawatan
- **Penstrukturan semula**
- **Pengisian Jawatan**
- **Penggredan Semula Jawatan**
- **Pengesahan Dalam Jawatan**
- **Perlanjutan Tempoh**
- **Skim Perkhidmatan**

- **Pemangkuan, Penanggungan Kerja**
 - ☑ Pengurusan tatatertib
 - ☑ Persaraan
 - ☑ Cuti
- **Pembangunan Sumber Manusia**
 - ☑ Perancangan Sumber Manusia
 - ☑ Latihan dan Pembangunan Kompetensi
- **Urusetia Mesyuarat Majlis**
- **Pengurusan Mesyuarat**
 - ☑ Mesyuarat Majlis Penuh dan Jawatankuasa-jawatankuasa Majlis
 - ☑ Mesyuarat Dalaman – Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Staf MDDM
 - ☑ Mesyuarat Luar Majlis – Mesyuarat Bersama Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri Sarawak.
- **Pengurusan Rekod dan Fail**
 - ☑ Pentadbiran Registri/Bilik Fail dan Bilik Rekod
 - ☑ Pelupusan Rekod
- **Pembaharuan Pentadbiran, Inovasi dan Transformasi**
 - ☑ Pengurusan Piagam Pelanggan
 - ☑ KPI – Petunjuk-petunjuk Prestasi Utama
 - ☑ Pengurusan Prestasi Balance scorecard
 - ☑ Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja
 - ☑ Kumpulan Inovatif dan Kreatif
 - ☑ Anugerah Perkhidmatan dan Kualiti
- **Anugerah Kualiti Ketua Menteri Sarawak**
 - ☑ Anugerah Perkhidmatan Pelanggan
 - ☑ Amalan Persekitan Berkualiti 5S/EKSA
 - ☑ Star Rating
 - ☑ Indeks Akauntabiliti
- **Piawaian Internasional *Organization for Standardization* (ISO)**
 - ☑ Audit Kualiti Dalaman
 - ☑ Tindakan Pembetulan dan Pencegahan
 - ☑ Audit Pemantauan
 - ☑ Kawalan Dokumen dan Data
 - ☑ Kajian Semula Pengurusan
 - ☑ Pengurusan Strategik
 - ☑ Pemantauan dan Penyelarasan Pelan Tindakan Strategik dan KPI
 - ☑ Semakan dan kajian semula
 - ☑ Penilaian Prestasi
- **Pembangunan Organisasi**
- **Perhubungan Awam**
- **Pengurusan Fasilitas**

- **Pengurusan Pejabat**
 - ☒ Perhimpunan Bulanan
 - ☒ Pengurusan ruang dan kebersihan pejabat
 - ☒ Pencegahan kebakaran
 - ☒ Keselamatan di tempat kerja
- **Penerbitan Majlis**
 - ☒ Laporan Tahunan
 - ☒ Buletin Majlis
 - ☒ *Newsletter*
- **Pengurusan Majlis/Sambutan, Perayaan dan Acara**
- **Pengurusan Perhubungan pelanggan**
 - ☒ Kemudahan pelanggan
 - ☒ Pengurusan Aduan Awam
 - ☒ Pengurusan Media
- **Pengurusan Komunikasi dan Teknologi Maklumat**
 - ☒ Keselamatan Teknologi Maklumat
 - ☒ Penggunaan Perkhidmatan Internet, email dan perisian
 - ☒ Laman Web Majlis
- **Seksyen Kewangan**
 - ☒ Pengurusan Akaun
 - ❖ Pembayaran
 - ❖ Penerimaan
 - ☒ Pengurusan Waran Peruntukan Tahunan
 - ☒ Pengurusan Belanjawan dan Dana
 - ☒ Emolumen, Elaun, Tuntutan dan Pinjaman Kakitangan
 - ☒ Pengurusan Aset
 - ☒ Pengurusan Stor
 - ☒ Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Tahunan Majlis

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

- Membantu dan memberi sokongan ke atas program dan projek-projek sosial, ekonomi dan alam sekitar yang dimulakan oleh komuniti
- Membantu komuniti mengurus dan mengendalikan perubahan
- Mengubah komuniti tempatan ke arah membentuk komuniti yang berdikari dan berdaya maju
- Menggalakkan sukarelawan di kalangan belia
- Memberi peluang dan ruang untuk membentuk kerjasama dan perkongsian di antara komuniti dalam Kawasan jagaan majlis
- **Seksyen Perpustakaan**
 - ☒ Menguruskan Perpustakaan Awam dan Perpustakaan Desa/Pusat Sumber
 - ☒ Menambah koleksi perpustakaan - buku dan pelbagai bahan bacaan lain.
 - ☒ Memproses permohonan keahlian
 - ☒ Mengemaskini rekod dan inventori perpustakaan
 - ☒ Klasifikasi buku dan pengkatalogan
 - ☒ Mengumpul dan menyusun perangkaan yang berkaitan dengan operasi perpustakaan

STRUKTUR ORGANISASI


Selaku sebuah pihak berkuasa tempatan halatuju, Majlis Daerah Dalat dan Mukah ditentukan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak selaku Ketua Perkhidmatan Negeri dan Kementerian Kerajaan Tempatan yang bertanggungjawab untuk menyelaras halatuju dan operasi semua Majlis Daerah di Sarawak.

Majlis Daerah Dalat dan Mukah diketuai oleh seorang Pengerusi yang lebih dikenali sebagai Walikota. Walikota dan pasukan Kaunselor (Ahli Majlis) adalah dilantik oleh Yang Di-Pertua Negeri. Majlis menetapkan dasar dan membuat keputusan penting melalui Mesyuarat Penuh Majlis dan pelbagai jawatankuasa yang ditubuhkan oleh majlis. Kuasa Majlis adalah seperti yang telah ditetapkan dalam Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996.

Dalam Pentadbiran/pengurusan Operasi Majlis Daerah Dalat dan Mukah diketuai oleh Setiausaha yang dilantik mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 37 Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996 dan selepas berunding dengan Setiausaha Kerajaan Negeri. Majlis Daerah Dalat dan Mukah dibahagikan kepada enam (6) bahagian strategik:

- Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Pembangunan Komuniti, Bahagian Penilaian dan Pengurusan Harta, Bahagian Kejuruteraan, Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar dan Bahagian Penguatkuasa. Setiausaha Majlis dibantu oleh dua (2) orang Timbalan Setiausaha dalam pengurusan fungsi Majlis, iaitu Timbalan Setiausaha Pengurusan dan Pembangunan Komuniti dan Timbalan Setiausaha Perancangan dan Pembangunan

CARTA FUNGSI



CARTA ORGANISASI

SEYIAUSAMA		
Akuntan / Jurutera / Pegawai Undang-Undang / Pegawai Tadbir / Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran / Pegawai Kesihatan Persekitaran W46/J46/L46/N46/U46	SA	D46
ABDEL KAZAK BIN AWANG BINI (Pegawai Tadbir N46)	1	1

TIMBALAN SETIAUSAHA PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN	SA	Dilal
KOSONG Jumlah 344	1	0

TINDAKAN SETIAUSAHA PENGURUSAN & PEMBANGUNAN KOMUNITI	SA	Dilai
KIDSONG Pegawai Tadbir N44	1	0

KESURUTERAHAN	SA	Died
PELAKU PELAKU (SA) / Perontong Junjura 3A28	1	1
LAYONG ANAK AGENG (Melayu / Arab/Indo)		
PELAKU PELAKU (SA) / Perontong Junjura 3A29/30 / 3A36	5	4
HABILA BENITI DAUD MUSOH TAMBOH BEN LITHMAN MELONG APPEER ANAK PEMANG KEDU CHRI YORNU KICORING Perontong Junjura 3A29 (Melayu)	2	1
CAITINA BENITI MUSTAFA KICORING	3	2
Pemandu Kenderaan H11/9149		
MALING ANAK MELINDA MOSHI FAWED BEN BILIMONG Pembantu Awam H11/9144	26	23
KICORING KICORING KICORING KICORING ANAK ANJANIN SALI BEN SOPI JAZEN BEN MOHILI JAZEN BEN SAUKE MUSOH PONGER BEN MOHILI MUSOHAD BEN HJ JAHKE JAFAR BEN RUDHI MUSOH BEN MANSUR MANSUR BEN MANSUR MANSUR BEN JAHKE MANSUR BEN ALI MUSOHAD BEN MANSUR KOHARIL ANAK ENTRI MANSUR KENDARAAN/ANAK BEN LILIN HJ ANJANIN BEN MUSOH MANSUR (Jawatan diwajibkan ke Cawangan Sabah) PULITHER HAZLAN BEN LUCK (Jawatan diwajibkan ke Cawangan Sabah) TUMI BEN BAKUS (Jawatan diwajibkan ke Cawangan Sabah) KENDIN BEN PULITHER NYLAKA (Jawatan diwajibkan ke Cawangan Sabah) ANJANIN BEN LILIN (Jawatan diwajibkan ke Cawangan Sabah) SARAWAN BEN GEORGE (Jawatan diwajibkan ke Cawangan Sabah) KORING BEN KORING (Jawatan diwajibkan ke Cawangan Kelantan) ANAK KENDARAAN BEN SOPI (Jawatan diwajibkan ke Cawangan Kelantan) MUSOHAD BEN BEN MUSOHAD NYLAKA (Jawatan diwajibkan ke Cawangan Kelantan)		

KESIHATAN & PERKHIDMATAN BANDAR	SA	Ebol
Penseleng Pegawai Kesihatan Persekitaran / Pegawai Kesihatan Persekitaran L32	1	1
MUHAMMAD NURIZ BEN SESRI		
Penseleng Pegawai Kesihatan Persekitaran / Ppg Kesihatan Persekitaran L28/L32	3	3
MUHAMMAD FARUKHAN BEN ABDEULLAH <i>(Kerabat Muafagien)</i>		
NURRIN BEN MUHAMMAD		
CAPRIAN BINTI ABDULLAH		
Pembantu Kesihatan Awam LQ-4	1	1
PETROL BEN TEGGON JAHNA		
Pembantu Kesihatan Awam GIGILUH	30	30
HAFSULEEN BEN HJ TABRAHIM		
MU BEN KAGUD		
STEVEN BEN STENDULUS LAITAN		
LUPRON BEN NORBERT		
NORHAQILA MOHDISE ABDULLAH		
AWWIDI AL SHAHHAM SHAH BEN AWWIDI OMAR ALI		
BIRNAPAI ANNE JULIAN <i>(Jawatankuasa diughikan ka Cawangan Datar)</i>		
MUHAMMAD AZLAN BEN SARUAN		
AUTUNYA BALDWINY ABDEULLAH		
SHARAN AUTUNYA BINTI ABU SEMAN		
Pembantu Tadris (PJC) No/9122	1	1
RIZK HAMZAH BINTI BOI <i>(Jawatankuasa diughikan ka Seksiyen Kiwangan)</i>		
Pembantu Kenderaan HG1/H14	4	2
AZMI BEN FALCAN		
LARY BEN ANDREW ASHI		
KOMORU		
KOMORU		
Pembantu Awam HC1/H14	12	10
KOMORU		
KOMORU		
KOMORU		
KUMIN AYU SHIN		
AYUG ABDEL BAZKE BEN AYUG WAGLE		
ABDEL SAHMAN BEN SENIN		
ABDEL KARIM BEN DAUT		
MUHAMMAD SALLER BEN ABU BANUE		
INDRA BEN URGAL		
MUHD SHAFIQ FAIZ BEN MUHAMMAD		
MUHD SAFRU BEN ABDULLAH <i>(Jawatankuasa diughikan ka Cawangan Datar)</i>		
MUHD AL HAFIS BEN KUZIN		
JAWATANKUASA DIUGHIKAN KA CAWANGAN DATANG		
KAPIL BEN MELI <i>(Jawatankuasa diughikan ka Cawangan Balakong)</i>		

PENGUAT KLASA	SA	Dini
Pemotong Pegawai Penguat Kuasa KP09/KP12	1	1
NUR FARHILLAH BEN AHMAD ZAKI <i>(Ketua Bahagian)</i>		
Pembantu Pegawai Kuasa KP12	3	3
GUSTAFY BEN JAPRI		
Pembantu Pegawai Kuasa KP09/KP12	8	8
HAMELIN BEN HADI GUSELIL BINA SEBASTIAN <i>(Tuan dan dipegang ke Cawangan Datar)</i> HUSMANEY YUSOF HAMZIN RUPES BEH SETTI FARIZ HARIZ BEN IZZI KELVIN ARABER BEN ISMAIL MOHD HAQIM BEN OMAR SHAWDIP BEN SAEED KELORE		
UNIT INTEGRITI DAN GOVERNANS (IGU)		
Pegawai Integriti		
HAJIAH BINTI ABANG <i>(Pegawai Tadbir N41)</i>		
Pemotong Pegawai Integriti		
ALLANIE BINTI RAFFINI <i>(Pegawai Pemantau Tadbir N29)</i>		
Utus Setia		
HASLER BINTI LAMAR <i>(Pegawai Pemantau Tadbir N37)</i> HAMIDAH BEN MUHAMMAD <i>(Pegawai Pegawai Kesihatan Persekitaran U22 KUMP)</i> KALIFAH BINTI JULIANA <i>(Pembantu Tadbir N60-1990)</i>		

PENILAIAN DAN PENCIKAIAN	SA	Ditai
Pemolot Pegawai Penilaian W22	1	1
ADNA AGHA BINTI THOMAS (Ketua Bahagian)		
Pemolot Pegawai Penilaian W20/W22	0	0
KOSONG		
Pembantu Penilaian W22/W26	0	0
ADGUSTINE ANN MICHAEL CHANG		
Pembantu Penilaian W18/W22	0	0
SUGILA BINTI SELARUS ADEN SAMSUD HARIRI BINTI LAJ SHEILA ANWAR AWYI		
NURULHANA UEN AMELIAH		
Pembantu Tadbir (P/2) N19/W22	0	0
JULIENANT BEN NAWI (Jawatan diangkin ke Cawangan Datar)		
(Ketua Cawangan Datar)		
Pembantu Awam P11/P14	0	0
KAPILLAS BEN KAPPA		

PEMBAYANGINAN KOMUNITI	SA	Ded
Pendukung Pegawai Tadbir N22	1	1
HANGLIZA BINTI UMAR (Kertua Bahagian)		
Pembantu Tadbir (P/O) N22	1	1
MOHAMMAD BINTI HJ AHMAD		
SEKSYEN PERPUSTAKAAN	SA	Ded
Pembantu Pustakawan S26	1	1
HJ KHM LING (Kertua Sekuriti)		
Pembantu Pustakawan S22	1	1
HJ DRUD BEN HJ ALI		
Pembantu Pustakawan S19/S22	5	4
ADJUSANT		
ADNANI BIN NAKIRAT (Jawatan diagihkan ke Cawangan Bahagian)		
(Kertua Cawangan Bahagian)		
NUR AZZARINA ABUILLAH		
POKOK BEN HARARY LUKMAN		
MURLE KISHOR BEN MOH SARELE (Jawatan diagihkan ke PA Palar & P/O Dua)		
Pembantu Pustakawan S19/S22 (2 orang)	1	1
ISFARAH @ YAZIR BEN SAHIN (Jawatan diagihkan ke Cawangan Bahagian)		
Pembantu Operasi N11/N14	2	1
ADJUSANT		
MOHD HATHE BEN JOE (Jawatan diagihkan ke PA Datar)		
Adnani Perpuustakaan Sembudu	3	3
SOFIAH PIRRY WILLIE (Jawatan diagihkan ke Cawangan Datar)		
SITI NURANI NORHISMA BINTI MOHD HADZAL		
NEGIEL CHANDRAN RINGEL		
ENGELA BINTI SOLOMON JURNAL		
MOHD TAZRI BEN KONGLEE		
SITI NUR AFQIAN BINTI ROSLI (Jawatan diagihkan ke Cawangan Dua)		
SITI KURNIAH BINTI LAT (Jawatan diagihkan ke Cawangan Bahagian)		

KHIDMAT PENGURUSAN	SA	30k
Pegawai Tadbir N141	1	1
HAFIZAH BINTI ABANG (Ketua Bahagian)		
Pendukung Pegawai Tadbir N01/N12	1	1
ALUSATIE BINTI HAFINE		
Pembantu Tadbir (PJO) N06	1	1
SALMA ANAK SYAFARI		
Pegawai Khidmat Pelanggan	1	1
JOJO NICHOLAS MARLENE		
Pembantu Tadbir (PJO) N01/N12	5	5
ALA TEHAI BINTI SUKSES		
AJURAH BINTI BRAHIM		
MARINA BINTI YUSOF		
(Istiadat diwajibkan ke Bilik Kijangdaraan)		
ROBERT SIKAPURU LPMAT		
(Istiadat diwajibkan ke Bilik Kijangdaraan)		
NITI HASLIN BINTI MANSUR @ JOHAR		
(Istiadat diwajibkan ke Cawangan Datar)		
Pegawai Kesihatan	2	1
KP/INOP/4		
ROHID HAMEZAN BEN SULAI		
KIDONG		
Penghantar Nuk N11/N04	3	2
KIDONG		
MUSAMMAD AMIR BILAL		
MUSAMMAD ZINRI BEN ABDULLAH		
(Istiadat diwajibkan ke Cawangan Datar)		
Pembantu Operasi N11/N04	2	1
KIDONG		
ALBERT BEN PULAH		
Pemandu Kenderaan N11/N04	2	1
IFFENDI SUZUKI BEN ABDULLAH		
KIDONG		
SEKSYEN KEWANGAN	SA	30k
Pendukung Akauntan W32	1	1
SALIMATI BINTI HAJI ACHI (Ketua Seksyen)		
Pendukung Akauntan W31/N12	1	0
KIDONG		
Pembantu Tadbir (Kewangan) W32/W36	1	1
CAROLINE SUZANA ANAK HAFIZAH		
Pembantu Tadbir (Kewangan) W31/W32	3	3
ELISA MARCELINA LARAB		
HAFILAH BINTI HU SYAFIN		
SAJIDUTARA BINTI SYAFIN		



BAB 2 : ANALISIS PERSEKITARAN

PERSEKITARAN ORGANISASI

PERSEKITARAN ORGANISASI

Analisa persekitaran organisasi dilakukan untuk menilai Persekitaran Dalaman dan Persekitaran Luaran yang memberi impak ke atas organisasi Majlis Daerah Dalat dan Mukah.

PERSEKITARAN DALAMAN

Analisa S.W.O.T yang menganalisis sumber Kekuatan, Kelemahan, Peluang, Ancaman di dalam organisasi akan digunakan sebagai input dalam pemilihan bidang fokus utama, objektif strategik, strategi utama dalam penghasilan Pelan tindakan strategik

ANALISIS SWOT

KEKUATAN	KELEMAHAN
☐ Sokongan dan bimbingan pihak pengurusan yang baik ☐ Halatuju yang jelas ☐ Kolaborasi pintar dan jaringan kerja yang luas dalam agensi ☐ Persekitaran pejabat yang selesa dan selamat ☐ Warga kerja yang komited dan mampu bekerja sebagai pasukan ☐ Kepimpinan yang kompeten dan berwawasan ☐ Mempunyai SOP ☐ Berupaya untuk menghasilkan pendapatan	☐ Perubahan dalam cara kepimpinan dan pengurusan apabila ketua pentadbir bertukar ☐ Sumber kewangan dan hasil yang terhad ☐ Penguatkuasaan yang kurang berkesan ☐ Penguasaan terhadap IT yang masih terhad ☐ Tiada kuasa merancang ☐ Kekurangan dana peruntukan ☐ Sikap sambal lewa ☐ Infrastruktur IT yang kurang baik

PERSEKITARAN LUARAN

Selain itu, analisis persekitaran organisasi perlu mengenalpasti aspek-aspek luar yang boleh menjadi ancaman dan memberi peluang kepada Majlis Daerah Dalat dan Mukah. Ancaman yang dikenalpasti perlu diatasi dan dikurangkan sekiranya tidak dapat dihapuskan. Analisis P.E.S.T yang merangkumi Politik, Ekonomi, Sosial dan Teknologi juga turut dinilai bagi memastikan Peluang dan Ancaman faktor tersebut dapat digunapakai dan dihindar oleh Majlis Daerah Dalat dan Mukah berhubung dengan fungsi dan peranan Utama Majlis.

ANALISIS P.E.S.T

PELUANG	ANCAMAN
☐ Daerah Mukah, Dalat dan Balingian berada dalam Zon SCORE ☐ Peningkatan penyertaan dan penglibatan masyarakat tempatan dalam aktiviti kerajaan ☐ Lokasi strategik di tengah negeri Sarawak ☐ Kewujudan pusat pengajian tinggi tempatan ☐ Sokongan baik pemimpin politik dan wakil rakyat ☐ Penglibatan pengerusi majlis dan wakil-wakil rakyat ☐ Potensi pertubuhan ekonomi di sektor perladangan dan industri hiliran ☐ Pembangunan bandar baru ☐ Jalinan yang baik dengan institusi pengajian tempatan ☐ Kestabilan politik	☐ Campurtangan Ahli Politik ☐ Kejatuhan nilai ringgit dan faktor eksport utama Malaysia ☐ Liputan internet dan penggunaan ICT penduduk masih rendah ☐ Pembuangan sampah secara haram ☐ Masalah sosial – ancaman dadah ☐ Peningkatan penghijrahan ke bandar ☐ Kos sara hidup yang tinggi ☐ Pekerja asing ☐ Desakan/permintaan oleh orang awam ☐ Undang-undang lapok/lama ☐ Penurunan kutipan cukai melalui dasar kerajaan



BAB 3 : ANALISIS PELANGGAN DAN STAKEHOLDER

STAKEHOLDER

Stakeholders atau pihak berkepentingan adalah sesiapa yang boleh mempengaruhi atau dipengaruhi oleh dasar, program , projek dan penyampaian perkhidmatan oleh sesuatu organisasi. Mereka boleh berada di dalam atau di luar dan mereka boleh berada pada peringkat tertinggi atau rendah. Bagi Majlis Daerah Dalat dan Mukah , pihak berkepentingan (stakeholders) utama adalah: -



PELANGGAN

Mengenalpasti pelanggan yang berurusan dengan Majlis Daerah Dalat dan Mukah adalah amat penting kerana keperluan dan harapan pelanggan adalah berlainan. Kumpulan pelanggan dikenalpasti untuk membantu pihak Majlis Daerah Dalat dan Mukah mencadangkan nilai-nilai utama dalam berurusan dengan kumpulan-kumpulan pelanggan tertentu. LIMA kumpulan pelanggan utama Majlis Daerah Dalat dan Mukah adalah seperti berikut: -

AGENSI-AGENSI KERAJAAN

- Agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan di kawasan Dalat dan Mukah.

PERSATUAN DAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

- Persatuan ini bertindak sebagai satu badan yang mewakili keperluan ahli-ahlinya dan boleh menjadi kumpulan pendesak

PEMILIK KEDIAMAN DAN PREMIS PENIAGAAN

- Pemilik premis kediaman dan perniagaan adalah kumpulan pelanggan yang penting kerana mereka juga adalah pembayar cukai.

SYARIKAT DAN USAHAWAN

- Kumpulan berorientasikan keuntungan yang mengharapkan caj rendah, perkhidmatan yang cepat, boleh dipercayai dan mesra

MASYARAKAT LUAR BANDAR/KAMPUNG-KAMPUNG DAN RUMAH PANJANG

- Mengharapkan Faedah daripada Projek mampu mempertingkatkan kualiti hidup mereka

CADANGAN NILAI PELANGGAN - STAKEHOLDER


Cadangan nilai pelanggan akan menjadi asas dalam merekabentuk ciri-ciri perkhidmatan, penyampaian perkhidmatan, pengurusan perhubungan, projek dan semua aktiviti dalam program Majlis Daerah Dalat dan Mukah dalam masa 5 tahun akan datang. Cadangan Nilai Pelanggan - Stakeholders menjelaskan keperluan dan jangkaan pelanggan dan stakeholders Majlis Daerah Dalat dan Mukah . Jadual di bawah menghuraikan nilai pelanggan mengikut kumpulan stakeholders MDDM :-

STAKEHOLDER/PELANGGAN	CADANGAN NILAI PELANGGAN
☒ Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan/Pembuat Dasar	☒ Perkhidmatan perbandaran Cemerlang ☒ Tadbir urus yang baik ☒ Pelaksanaan projek dan penyampaian perkhidmatan yang berorientasikan keperluan pelanggan dan rakyat ☒ Mengutamakan rakyat dalam membuat keputusan dan penyediaan kemudahan dan pelaksanaan program dan projek ☒ Keamanan, kehormonian dan kemakmuran
☒ Kementerian/Jabatan ☒ Agensi Negeri ☒ Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan	☒ Agensi Kerajaan contoh dalam melaksanakan program atau projek tranformasi komuniti ☒ Menyediakan perkhidmatan professional ☒ Mengamalkan kolaborasi strategik yang baik
☒ Kumpulan Perniagaan dan Usahawan ☒ Kumpulan Perdagangan dan Kumpulan Industri ☒ Pemilik Projek dan Pemaju ☒ Penduduk dan Komuniti	☒ Cepat,dapat dipercayai perkhidmatan yang berkualiti memenuhi atau melebihi jangkaan ☒ Responsif kepada aduan ☒ Sopan,peramah dan suka menolong
☒ Staf/Warga Kerja Majlis	☒ Menyediakan persekitaran kerja yang selesa

BAB 4 : HALATUJU STRATEGIK



HALATUJU STRATEGIK MAJLIS DAERAH DALAT DAN MUKAH



**Rangka Kerja Pelan Strategik Majlis Daerah Dalat dan Mukah
2021-2025**

VISI



**Daerah Dalat Dan Mukah Ke Arah
Destinasi Pelancongan Pilihan
Menjelang 2025**

MISI



**We Are Committed To Improve The
Quality Of Life Of Our Community
Through Good Governance**

MOTTO



Berkhidmat Untuk Kemajuan

NILAI TERAS BERSAMA



Live our lives with INTEGRITY

Execute our power with great responsibility, walk our talk, although no one sees, Say no to corruption, an honest officer we must be



Practice PROFESSIONALISM in and out office

Serve the people with sense of fairness and justice, uphold all rules and regulations for excellent service, Never compromise our value and ethics.



Remember to be KIND AND CARING

We have to respect our customers feelings, Civil Servants are compassionate beings, We are courteous and polite in our dealing



SENSE OF URGENCY AND OWNERSHIP

Service with actions not just with our lips, Be punctual, be timely, be quick on our feet, Our promise of Excellence Delivery we must keep



TEAMWORK AND TEAM SPIRIT

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI" We will achieve at plans of SCS 10-20, Esprit de Corps, We are one big family



WORK S.M.A.R.T AND RESULT ORIENTED

Zero delays in our projects implemented, Plan and execute, We will prove our effectiveness, Be customer focused, serving the Rakyat as first

TEMA STRATEGIK DAN HASIL STRATEGIK

Misi untuk merealisasikan visi Daerah Dalam dan Luar Ke Arah Destinasi Pelancongan Pilihan dengan memfokuskan enam (6) tema strategik. Tema strategik ini dikenalpasti berdasarkan kepada maklumat dan analisa profil organisasi, fungsi dan struktur organisasi serta analisa persekitaran dan penentuan cadangan nilai pelanggan yang telah dilaksanakan. Tema Strategik merupakan komponen perkhidmatan yang akan diberi keutamaan dalam jangka masa lima (5) tahun mulai 2021 hingga 2025. Hasil strategik pula adalah impak positif yang dihasilkan berikutan fokus keutamaan Tema Strategik dalam organisasi pelanggan, stakeholders dan komuniti dalam kawasan jagaan Majlis.

TEMA STRATEGIK	HASIL STRATEGIK
PERKHIDMATAN PERBANDARAN YANG BERSIH, INDAH DAN SELAMAT Pengurusan sisa, penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan awam, jalan raya, pamparitan, perkhidmatan Kesihatan Awam dan kumbahan, perkhidmatan perpustakaan, Rekreasi, taman dan pemotongan rumput, pengeluaran lesen dan penyediaan lampu jalan.	☐ Penduduk di Kawasan jagaan Majlis Daerah Dalam dan Luar menikmati persekitaran yang sihat di Kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar ☐ Tahap kepuasan pelanggan, pihak berkepentingan dan komuniti meningkat ☐ Prestasi dan imej Majlis Daerah Dalam dan Luar meningkat
PENGUATKUASAAN YANG BERKESAN Memperkasakan keberkesanan tugas-tugas dan aktiviti penguatkuasaan dalam menguatkuasa undang-undang dan peraturan pihak berkuasa tempatan	☐ Peningkatan dalam kutipan hasil ☐ Mengurung jumlah hasil tertunggak ☐ Mendapat kerjasama dan sokongan komuniti ☐ Persekitaran yang selamat,selesa dan sihat
KOMUNITI BESTARI, SELAMAT DAN MESRA PENIAGAAN Membentuk komuniti bestari yang mampu meningkatkan kualiti hidup melalui penggunaan teknologi maklumat secara inovatif dan kreatif dan pembangunan komuniti yang mampan	☐ Penggunaan teknologi ICT untuk meningkatkan kualiti hidup di kalangan komuniti di Bandar Luar meningkat ☐ Komuniti yang berkuasa (empowered) berdayakari,berdayamaju,proaktifdan progresif ☐ Jumlah dan aktiviti sukarelawan dalam pembangunan komunitimeningkat ☐ Penyertaan dan penglibatan dalam aktiviti komuniti meningkat
PENGURUSAN PROJEK DAN PROGRAM YANG KOMPREHENSIF Pengurusan Projek adalah aplikasi kemahiran, pengetahuan , Teknik dan alat dalam semua aktiviti yang melibatkan keperluan sesuatu projek. Pengurusan Program adalah pengurusan pelbagai projek yang berkaitan antara satu sama lain yang perlu dilakukan untuk mencapai sesuatu matlamat atau tujuan	☐ Pelaksanaan program pembangunan dapat dilaksanakan denganberkesan ☐ Komuniti mendapat faedah optima daripada program dan projek pembangunan ☐ Hubungan baik antara Majlis, komuniti dan stakeholders
TADBIRURUSBAIK&PEMATUHANPERATURAN Prestasi dan reputasi Majlis Daerah Dalam dan Luar menjadi contoh kepada PBT yang lain melalui amalan tadbir urus yang berintegriti dan pematuhan kepada semua arahan, peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa Kakitangan Majlis Daerah Dalam dan Luar memiliki kompetensi yang diperlukan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan cekap dan berkesan	☐ Menjadi Majlis Daerah contoh di Sarawak ☐ Majlis Daerah Dalam dan Luar menjadi model Kemajuan Komuniti di Sarawak ☐ Prestasi tahunan Majlis Daerah Dalam dan Luar dan pencapaian SKT semua kakitangan meningkat
PENGURUSAN HASIL MAJLIS Peningkatan hasil majlis dengan meningkatkan kutipan semasa cukai taksiran, penilaian semula pegangan berkadar,meningkatkan kerja ukurperiksa	☐ Peningkatan hasil majlis ☐ Peningkatan hasil kutipan Cukai dapat membantu meningkatkan mutu perkhidmatan majlis

OBJEKTIF STRATEGIK

TEMA STRATEGIK	OBJEKTIF STRATEGIK	PEMILIK OBJEKTIF
PERKHIDMATAN PERBANDARAN YANG BERSIH, INDAH DAN SELAMAT Pengurusan sisa, penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan awam, jalan raya, pamparitan, perkhidmatan Kesihatan Awam dan kumbahan, perkhidmatan perpustakaan, Rekreasi, taman dan pemotongan rumput, pengeluaran lesen dan penyediaan lampu jalan.	☐ Memberi perkhidmatan perbandaran yang berkualiti dengan menekankan imej bersih, indah dan selamat	Semua KB/KS
PENGUATKUASAAN YANG BERKESAN Memperkasakan keberkesanan tugas-tugas dan aktiviti penguatkuasaan dalam menguatkuasa undang-undang dan peraturan pihak berkuasa tempatan	☐ Meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang kecil, ordinan Kuasa Tempatan, Perkeliling-perkeliling, Peraturan dan Polisi Majlis	KB – BP, BKP, BKJ, BKP
KOMUNITI BESTARI, SELAMAT DAN MESRA PENIAGAAN Membentuk komuniti bestari yang mampu meningkatkan kualiti hidup melalui penggunaan teknologi maklumat secara inovatif dan kreatif dan pembangunan komuniti yang mampan	☐ Meningkatkan penglibatan dan penyertaan program majlis ☐ Menggalakan peglibatan NGO dan badan-badan sukarelawan dalam komuniti ☐ Mewujudkan komuniti yang berdikari dan berdaya saing ☐ Membangunkan komuniti yang berilmu	KB - BPK KB - BPK KB – BPK KS – SPA KB - BPK
PENGURUSAN PROJEK DAN PROGRAM YANG KOMPREHENSIF Pengurusan Projek adalah aplikasi kemahiran, pengetahuan, Teknik dan alat dalam semua aktiviti yang melibatkan keperluan sesuatu projek. Pengurusan Program adalah pengurusan pelbagai projek yang berkaitan antara satu sama lain yang perlu dilakukan untuk mencapai sesuatu matlamat atau tujuan	☐ Pengurusan Program dan Projek yang cekap dan sistematik	KB – BPK KB – BPK, BKJ, BKP, BKP
TADBIR URUS BAIK & PEMATUHAN PERATURAN Prestasi dan reputasi Majlis Daerah Dalam Mukah menjadi contoh kepada PBT yang lain melalui amalan tadbir urus yang berintegriti dan pematuhan kepada semua arahan, peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa Kakitangan Majlis Daerah Dalam dan Mukah memiliki kompetensi yang diperlukan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan cekap dan berkesan	☐ Penambahanbaikan sistem dan proses kerja dalam organisasi ☐ Memperluaskan penggunaan ICT dalam penyampaian perkhidmatan ☐ Memperkasakan sumber manusia ☐ Menjadikan Majlis Daerah yang mengutamakan kualiti dan pelanggan dalam penyampaian perkhidmatan ☐ Pengurusan aduan dan kepuasan pelanggan	Semua KB Kualiti Semua KB
PENGURUSAN HASIL MAJLIS Peningkatan hasil majlis dengan meningkatkan kutipan semasa cukai taksiran, penilaian semula pegangan berkadar, meningkatkan kerja ukurperiksa	☐ Memantapkan hasil majlis	BPKD

STRATEGI UTAMA

Pencapaian objektif utama untuk lima Tema Strategik dilakukan dengan mengenalpasti beberapa strategi utama untuk setiap objektif strategik. Strategi utama merupakan pelan tindakan khusus yang menjelaskan skop dan tempoh tindakan. Pemilihan dan pelaksanaan strategi yang efektif akan membantu dalam merealisasikan objektif strategik dan seterusnya mencapai hasil strategik di bawah setiap Tema Strategik

OBJEKTIF STRATEGIK	STRATEGIK UTAMA	PEMILIK STRATEGIK
Memberi perkhidmatan perbandaran yang berkualiti dengan menekankan imej bersih, indah dan selamat	1. Jalan	BKJ
	1.1 Meningkatkan keselamatan jalan di bawah bidangkuasa Majlis	
	1.2 Mengatur laluan trafik yang efektif di kawasan bandar	
	1.3 Penyelenggaraan jalan yang sistematik	
	1.4 Menaiktaraf jalan Majlis	BKJ
	2. Rumput	
	2.1 Pemantauan dan penyelenggaraan kawasan yang lebih berkesan	BKPP
	3. Pemparitan	
	3.1 Penyediaan penyelenggaraan perparitan yang berkesan	BKJ
	4. Lampu Jalan	
	4.1 Penyelenggaraan secara berkala (lampu milik MDDM)	BKJ
	4.2 Penyelenggaraan rutin (lampu milik MDDM)	
	5. Taman Rekreasi/Permainan	
	5.1 Pemantauan dan penyelenggaraan taman rekreasi/permainan secara berkala	BKJ
	5.2 Mewujudkan ' <i>Smart Partnership</i> ' bersama persatuan/ NGO untuk mengurus taman rekreasi/permainan	
	5.3 Mewujudkan Taman Rekreasi / Permainan baru	
	6. Bangunan Milik Majlis	BKJ
	6.1 Pemantauan dan penyelenggaraan bangunan milik Majlis secara berkala	
	7. Kebersihan Bandar	BKPB
	7.1 Memastikan Kebersihan Bandar terjaga	
	8. Pungutan Sampah	BKPB
	8.1 Pengurusan Sisa Pepejal yang lebih sistematik dan berkesan	
	9. Pengurusan Tandas Awam	BKPB
	9.1 Penyelenggaraan tandas awam sistematik	
	9.2 Naiktaraf tandas awam sedia ada	
	9.3 Menambah bilangan tandas awam	
	9.4 Membudayakan Tandas awam yang mesra pengguna	

	10. Pengurusan Pasar Awam Dan Penjaja 10.1 Menambah ruang tapak penjaja mengikut keperluan semasa 10.2 Tapak Niaga baru dan strategik untuk penjaja 10.3 Penyelenggaraan pasar awam dan tapak penjaja yang sistematik dan berkesan 10.4 Pengurusan pasar awam dan penjaja 11. Pengurusan Perlesenan Dan Permit Peniagaan 11.1 Menaiktaraf sistem inventori pelesen dan pemegang permit 11.2 Mewujudkan operasi bersepadu dengan agensi Penguatkuasaan yang berkaitan 11.3 Penggredan premis makanan secara tahunan (Gred A atau Gred B) 11.4 Pemantauan kebersihan premis makanan secara berkala 11.5 Persampelan makanan secara berkala dan mengikut keperluan 11.6 Kursus latihan pengendali makanan setiap bulan 11.7 Pengurusan kawalan penyakit berjangkit dan vektor	BKP BKP
Pengurusan program dan projek yang cekap dan sistematik	12. Pengurusan Projek 12.1 Memastikan perancangan projek pembangunan majlis disiapkan dalam tahun semasa 12.2 Memastikan pelaksanaan projek mencapai matlamat dan memberi faedah kepada kumpulan sasaran 12.3 Memastikan prosedur pengurusan projek dipatuhi sepenuhnya	BKJ
Meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan Undang-undang Kecil, Ordinan Kuasa Tempatan, Pekeliling-pekeling, peraturan dan polisi Majlis	13. Penguatkuasaan Dan Pemantauan 13.1 Menyediakan jadual pemantauan harian 13.2 Menyediakan rekod hasil pemantauan harian 13.3 Menjalankan penguatkuasaan bersama dengan bahagian-bahagian yang berkaitan dalam Majlis 13.4 Menjalankan pemantauan bersepadu dengan pihak berkuasa (agensi luar) yang berkaitan 13.5 Pengurusan penjaja (mingguan/bermusim) jika ada 14. Kajian Semula Polisi dan peraturan 14.1 Membuat polisi baru atau semakan semula ke atas polisi dan peraturan Majlis sejajar dengan kesesuaian semasa	BP
Meningkatkan penglibatan dan penyertaan komuniti dalam program Majlis	15. Merancang Program Komuniti 16. Mempelbagaikan program dalam komuniti 17. Penglibatan komuniti dalam menjaga kebersihan persekitaran	BPK
Menggalakkan penglibatan NGO dan badan-badan sukarelawan dalam komuniti	18. Memberi galakan / sokongan/ bantuan kepada program kesukarelawan dalam komuniti menerusi JKP/Pertubuhan	BPK
Mewujudkan komuniti yang berdikari dan berdaya saing	19. Memberi bimbingan/ pengetahuan/ Pendidikan kepada komuniti/ keusahawanan	BPK

Meningkatkan kemudahan IT di perpustakaan	20. Meningkatkan kehadiran pengunjung ke perpustakaan	SPA
